

**KENYATAAN TAWARAN
SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang **221902 – Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit)** dan berdaftar di **Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya atau Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**
2. Tawaran adalah untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Pacuan 4 Roda (4X4) – Nissan X-Trail 2.5 GL 4WD(A)	WNQ 4681	1	RM4,500.00

3. Aset boleh dilihat pada 31 Disember 2024 hingga 8 Januari 2025 di antara jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang di alamat **Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Kompleks Kementerian Kewangan, No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2, 62594 Putrajaya.** Pegawai yang boleh dihubungi ialah Encik Hafizi bin Mohamad (No. Telefon: 03-88821097).
4. Syarikat yang berminat dan mematuhi syarat yang ditetapkan hendaklah mengemukakan permohonan beserta salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan ke emel perolehan@anm.gov.my. Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih KEW.PA-28 dengan nombor siri akan dihantar kepada emel pemohon. Borang tersebut turut boleh diperolehi di alamat seperti para 5.
5. Syarikat yang layak hendaklah mengemukakan tawaran dengan maklumat yang lengkap menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda dengan **Sebut Harga JANM (Pelupusan) Bil. 1/2024** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

**Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
Presint 2, 62594 Putrajaya**


6. Syarikat boleh mengemukakan tawaran mulai **2 Januari 2025 dan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 9 Januari 2025 (Khamis).** Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Tawaran yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



Nor Yati binti Ahmad C.A.(M)
Akauntan Negara Malaysia

Tarikh: 23 Disember 2024

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.